

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 24

Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Sachu pada 30 Jun 2015:

Perniagaan Sachu

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2015

	RM	RM		RM	RM
Aset bukan semasa			Ekuiti Pemilik		
Kenderaan	30,000		Modal		55,000
Perabot	<u>10,000</u>	40,000			
Aset semasa			Liabiliti semasa		
Inventori	3,000		Akaun belum bayar		2,000
Akaun belum terima	5,000				
Tunai	<u>9,000</u>	17,000			
		<u>57,000</u>			<u>57,000</u>

Di bawah adalah urus niaga perniagaan yang dijalankan sepanjang bulan Julai 2015:

Julai 1	Membeli meja pejabat berharga RM1,000 secara tunai.
5	Menjual barang niaga bernilai RM1,200 dengan harga RM2,000 secara tunai.
8	Mengutip RM2,000 daripada akaun belum terima secara tunai.
12	Membayar perbelanjaan insurans berjumlah RM400 secara tunai.
15	Mengeluarkan wang tunai sebanyak RM500 untuk kegunaan sendiri.
16	Van keluarga yang bernilai RM8,000 dibawa masuk ke dalam perniagaan untuk kegunaan angkutan barang niaga perniagaan.
20	Membayar sewa sebanyak RM1,000 secara tunai.
23	Menjelaskan hutang seorang akaun belum bayar yang berjumlah RM500 secara tunai.
25	Menambahkan pelaburan wang tunai RM10,000 ke dalam perniagaan.
29	Menerima komisen berjumlah RM900 secara tunai.

Dikehendaki:

- (a) Merekod kesan urus niaga di atas di jadual persamaan perakaunan yang disediakan di bawah.

ASET						LIABILITI	EKUITI PEMILIK	
Urus niaga	Kenderaan	Perabot	Inven- tori	Akaun Belum terima	Tunai	Akaun Belum bayar	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Jul 1								
1								
5								
8								
12								
15								
16								
20								
23								
25								
29								
Baki Jul 31								

- (b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2015. Gunakan format “T”